



P. KAMALANATHAN memberi taklimat berhubung dengan pendidikan kaum India dalam program Peristiwa Penting Pendidikan Kaum India ke arah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam.
— UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Ambil serius pendidikan masyarakat India

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Kementerian Pendidikan mengambil serius cadangan yang dikemukakan melalui program Peristiwa Penting Pendidikan Kaum India ke arah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang berlangsung selama dua hari bermula semalam di Universiti Malaya (UM).

Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata, maklumat itu akan digunakan untuk menyediakan dokumen yang lebih lengkap beserta cadangan dengan mengenal pasti idea-idea baharu dan peluang yang berpotensi untuk dicadangkan dan dimasukkan dalam RMK-11.

“Saya akan maklumkan usul yang diutarakan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

“RMK-11 sangat penting dan merupakan pelan terakhir sebelum Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi pada 2020. Pandangan dan input ini juga adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025),” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri Dan Masyarakat) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Ir. V. Renuganth, di sini hari ini.

Sementara itu, Kamalanathan berkata, terdapat lima kelompok dan sub topik yang dibincangkan dalam program berkenaan iaitu mengukuhkan pendidikan prasekolah, usaha sekolah jenis kebangsaan Tamil, cabaran, pengambilan pelajar politeknik, universiti serta matrikulasi.

Katanya, bagi setiap kelompok itu, terdapat 10 cadangan yang dibangkitkan.

“Bagi saya, 10 cadangan yang diselaraskan oleh fasilitator ini amatlah penting, kita dapat mengenal pasti masalah pendidikan kaum India dari semua peringkat,” katanya.